GREEN LEAF ENTERPRISE SDN BHD

lwn.

GREEN LEAF GROUP COMPANIES & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
RAMLY ALI PK
[GUAMAN NO: D9-22-1337-2000]
27 JULAI 2000

PROSEDUR SIVIL: *Injunksi - Permohonan untuk injunksi interim ex parte - Samada terdapat isu penting yang perlu dibicarakan - Samada dibuktikan bahawa defendan memperdayakan pihak-pihak lain - Samada imbangan keselesaan memihak pihak plaintif*

PROSEDUR SIVIL: *Injunksi interim - Permohonan - Samada bertentangan dengan kepentingan awam jika diluluskan - Samada injunksi tersebut dapat melindungi hak dan kepentingan plaintif - Samada defendan berupaya membayar gantirugi jika plaintif berjaya dalam tuntutannya*

Plaintif telah memohon kepada pihak Kerajaan Malaysia bagi satu projek pembinaan menaikkan taraf jalan Lebuhraya Seremban-Kuala Pilah. Plaintif mendakwa bahawa defendan kedua, yang bekerja sebagai pengurus projek tersebut pada masa itu, telah menyalahgunakannya kedudukannya dengan menyerahkan maklumat yang diperolehinya kepada defendan pertama untuk mengambil-alih projek tersebut. Plaintif juga mendakwa defendan-defendan menukarkan nama asal defendan pertama untuk memberi gambaran bahawa defendan pertama adalah syarikat induk kepada plaintif untuk mendapatkan tender projek tersebut.

Plaintif telah memfailkan writ saman terhadap defendan-defendan untuk menuntut gantirugi, dan juga telah memfailkan saman dalam kamar *(ex parte)* yang memohon bahawa defendan pertama dilarang daripada memperdayakan bahawa ianya adalah syarikat induk plaintif di dalam semua urusan projek tersebut. Perintah injunksi ini adalah untuk mengekalkan *status quo* dan untuk melindungi hak dan kepentingan plaintif sehingga perintah selanjutnya atau sehingga selesai tuntutan plaintif.

Diputuskan:

[1] Dakwaan plaintif bahawa defendan-defendan telah memperdaya dan menipu pihak-pihak yang berkaitan untuk merampas projek tersebut daripada plaintiff merupakan isu serius yang perlu dibicarakan. Walaupun begitu, mahkamah perlu juga menimbangkan imbangan keadilan atau imbangan kesenangan kes ini sebelum membenarkan injunksi tersebut.

[2] Setelah meneliti dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh plaintif sendiri melalui afidavit-afidavitnya, dakwaan bahawa defendan pertama memperdayakan ianya adalah syarikat induk plaintif tidak timbul kerana jabatan kerajaan berkenaan sedar dan mengetahui bahawa tawaran projek tersebut bukan diberikan kepada syarikat plaintif.

[3] Kesan perintah injunksi, jika dibenarkan di peringkat ini akan mengganggu dan mengendalakan perlaksanaan tugas-tugas tersebut, dan menjejaskan kepentingan orang awam untuk mendapat kemudahan jalanraya yang lebih baik. Oleh itu, ia adalah bertentangan dengan kepentingan awam sekiranya perintah injunksi tersebut dibenarkan oleh mahkamah.

[4] Jikalau perintah injunksi tersebut dibenarkan, defendan tidak dapat meneruskan projek tersebut dan ini akan membantutkan sama sekali tuntutan gantirugi plaintif. Oleh itu, perintah injunksi tersebut tidak akan dapat melindungi hak dan kepentingan plaintif seperti yang dituntut oleh plaintiff.

[5] Untuk memperolehi injunksi tersebut, salah satu syarat yang perlu dipenuhi oleh plaintif ialah membuktikan bahawa gantirugi tidak merupakan pampasan yang mencukupi jika ia berjaya di dalam tututannya kelak. Dalam kes ini, tidak ada apa-apa indikasi dari plaintif bahawa defendan tidak berupaya dari segi kewangan untuk membayar gantirugi yang dituntut olehnya.

[Permohonan ditolak.]

Kes-kes yang dirujuk:

Allen & Ors v. Jambo Holdings Ltd & Ors [1980] 2 All ER 502 ***(dirujuk)***

American Cyanamid v. Ethicon Ltd [1975] AC 396 ***(dirujuk)***

Anwar Ibrahim v. Abdul Khalid Jafri Bakar Shah [1998] 3 CLJ Supp 177 ***(dirujuk)***

Elwes v. Rayne [1879] 12 Ch D 468 ***(dirujuk)***

Keet Gerald Francis Noel John v. Mohd Noor Abdullah & Ors [1995] 1 CLJ 293 ***(dirujuk)***

Khoo Ah Soon v. Ooi Kar Seng (Properties) Sdn Bhd [1995] 3 CLJ 293 ***(dirujuk)***

Larut Consolidated Bhd & Anor v. Khoo Ee Bee & Ors [1997] 5 CLJ 307 ***(dirujuk)***

MBf Holdings Bhd v. East Asiatic Co (Malaysia) Bhd [1995] 4 CLJ 73 ***(dirujuk)***

Vethanayagam v. Karrupiah & Ors [1968] 1 MLJ 283 ***(dirujuk)***

Wah Loong (Jelapang) Tin Mines Sdn Bhd v. Chin Nyen Yiok [1975] 2 MLJ 109 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Companies Act 1965, s. 23(3)

Bagi pihak plaintif - JR Samuel; T/n JR Samuel & Assoc

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

PENGHAKIMAN

Ramly Ali PK:

Pada 14 Julai 2000, plaintif telah memfailkan writ saman (kandungan 1) terhadap defendan-defendan menuntut antara lain:

i) gantirugi di dalam lingkungan RM40 juta iaitu hasil keuntungan bagi pembinaan Projek Lebuhraya Seremban-Kuala Pilah (Route 51) sepanjang 33 km yang bernilai RM172.8 juta setelah ditolak kos perbelanjaan membina serta kos kerja, material, pengangkutan dan lain-lain dalam lingkungan RM132.8 juta;

ii) kerugian "aggravated" atas defendan pertama dan kerugian "punitive" dan "aggravated" atas defendan kedua;

iii) bahawa defendan pertama dan defendan kedua dilarang mewakili plaintif samada sebagai syarikat induk plaintif atau wakil, ejen, pekerja dan/atau penama;

iv) kerugian am;

v) kos;

vi) faedah pada kadar 8% setahun ke atas gantirugi dari tarikh pemfailan writ saman sehingga penyelesaian penuh; dan

vii) lain-lain relif selanjutnya yang difikirkan adil dan sesuai oleh mahkamah.

Sebelum sempat writ saman tersebut diserahkan kepada kedua-dua defendan, plaintif pada 18 Julai 2000 telah memfailkan saman dalam kamar *(ex parte)* (kandungan 2) bersama-sama dengan afidavit sokongan memohon, antara lain, perintah-perintah berikut:

i) defendan pertama dilarang daripada memperdayakan bahawa ianya adalah syarikat induk plaintif di dalam permohonan atas projek dikenali sebagai "Projek Naik Taraf Jalan Kuala Pilah ke Seremban" sepanjang 33 km secara bayaran tertunggak, kepada pihak-pihak tertentu di jabatan-jabatan kerajaan khususnya pegawai-pegawai yang berurusan atas projek tersebut di Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan Jabatan Kerja Raya (JKR);

ii) menghalang defendan kedua daripada mewakili plaintif mahupun defendan pertama sebagai syarikat induk kepada plaintif di dalam semua urusan atas projek tersebut kepada pihak-pihak yang tertentu;

iii) defendan pertama dan defendan kedua atau pekerja, ejen, penerima atau penamanya dilarang untuk bertindak meneruskan dan membuat perjanjian dengan pihak yang ketiga dan/atau mengambil sebarang langkah atas projek tersebut sehinga selesai perbicaraan penuh tuntutan plaintif;

iv) ketiga-tiga perintah yang disebutkan di atas (1) (2) dan (3) akan berkuatkuasa sehingga satu pendengaran *inter parte* dan/atau sehingga penyelesaian guaman sivil yang difailkan disini di antara plaintif dengan defendan pertama dan kedua; dan

v) kos.

(Semasa pendengaran permohonan tersebut peguam plaintif telah menarik balik perenggan (iii) permohonan di atas dan seterusnya perenggan tersebut telahpun dibatalkan oleh mahkamah).

Alasan-alasan permohonan saman dalam kamar tersebut adalah:

i) Walaupun plaintif yang memohon untuk mendapatkan projek tersebut, tetapi defendan pertama dengan menukar namanya telah memperdaya dan menipu pihak-pihak di jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat dengan projek tersebut seolah-olah mereka adalah syarikat induk kepada plaintif, wakil atau ejen dan dengan itu melakukan penipuan (fraud) atas plaintif dengan merampas projek tersebut dan dengan perbuatan tersebut plaintif mengalami kerugian;

ii) Defendan kedua dengan menggunakan secara tidak sah semua maklumat dan dokumen-dokumen plaintif berkenaan dengan projek tersebut telah menipu plaintif bersama-sama dengan defendan pertama seolah-olah mereka mewakili plaintif;

iii) Tujuan mereka menukar nama syarikat Ariffen Dnaji Sdn. Bhd. (No. Syarikat 393794-W) kepada Green Leaf Group of Companies Sdn. Bhd (No. Syarikat 393794-W) dan tindakan-tindakan mereka selanjutnya adalah satu taktik “deprivation”;

iv) Pihak JKR akan pada bila-bila masa mengeluarkan surat tawaran rasmi atas projek tersebut kepada defendan pertama.

Saman dalam kamar tersebut telah disokong oleh afidavit sokongan Mokhtar bin Haron yang diikrarkan pada 18 Julai 2000 dan afidavit tambahan oleh deponen yang sama yang diikrarkan pada 21 Julai 2000. Dengan permohonan perakuan segera, saman dalam kamar tersebut telah ditetapkan untuk pendengaran secara *ex parte* pada 24 Julai 2000.

Mengikut afidavit-afidavit sokongan yang difailkan, plaintif adalah sebuah syarikat yang diperbadankan pada 27 Ogos 1987 dan pada masa ini mempunyai RM5 juta sebagai modal yang dibenarkan dan RM1 juta sebagai modal berbayar. Perniagaan utama plaintif adalah memohon dan menyiapkan kerja-kerja kontrak kerajaan bagi pembinaan rumah-rumah pekerja kerajaan, jalanraya serta lain-lain kerja yang ditawarkan. Pada masa yang material, plaintif telah memohon kepada pihak Kerajaan Malaysia bagi satu projek pembinaan menaikkan taraf jalan (bayaran secara tertunggak) Lebuhraya Seremban – Kuala Pilah (Route 51) sepanjang 33km dan harga nilai projek adalah dalam lingkungan RM172.8 juta. Atas permintaan Pejabat Menteri Kewangan, plaintif telah mendapat surat sokongan YAB Menteri Besar Negeri Sembilan untuk permohonan tersebut. Selepas itu, plaintif membuat persediaan mendapatkan keperluan kewangan untuk membiayai projek tersebut dari pihak Oriental Bank Bhd.

Pada masa yang material di peringkat itu, defendan kedua adalah bekerja dengan plaintif sebagai Pegurus Projek. Plaintif mendakwa, defendan kedua telah menyalahgunakan kedudukannya serta maklumat yang diperolehinya atas projek tersebut daripada plaintif dan telah menyerahkan kepada defendan pertama dengan niat untuk merampas projek tersebut dari plaintif serta mengambil alih hak-hak plaintif bagi projek tersebut. Plaintif juga mendakwa defendan pertama dan kedua telah bekerja sama untuk memanipulasikan maklumat tersebut dan merancang untuk memperdayakan pihak-pihak tertentu di Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Kewangan dengan menukar nama asal defendan pertama iaitu Ariffen Dnaji Sdn. Bhd. kepada Syarikat Grean Leaf Group of Companies Sdn. Bhd pada 24 November 1999 dengan tujuan untuk memberi gambaran bahawa defendan pertama adalah syarikat induk kepada plaintif dan berhasrat mendapat tender yang dikatakan telah dimasukkan oleh plaintif bagi projek tersebut. Plaintif juga mendakwa bahawa satu surat sebut harga bagi projek tersebut telah dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi kepada plaintif pada 5 Oktober 1999 dengan tarikh tutupnya pada 15 November 1999 tetapi tidak diterima oleh plaintif. Plaintif mendapat tahu defendan kedua dengan tidak sah dan tanpa kebenaran plaintif telah mengambil surat itu dan telah pun menyamar dan bertindak dengan defendan pertama seolah-olah mereka adalah wakil dari syarikat induk plaintif.

Melalui afidavit tambahannya (yang diikrarkan pada 21 Julai 2000) plaintif mengemukakan surat pengesahan bertarikh 19 Julai 2000 dan Pejabat Timbalan Menteri, Kementerian Kerja Raya Malaysia (eks. "MH11"). Mengikut surat tersebut, Kementerian Kerja Raya mengesahkan ada menerima salinan surat Sebut Harga mengenai projek tersebut bertarikh 5 Oktober 1999 daripada Unit Perancang Ekonomi. Namun demikian surat tersebut menegaskan bahawa "Surat Niat yang dikeluarkan oleh JKR bagi projek tersebut ianya tidak dikeluarkan kepada syarikat plaintif". Di samping itu plaintif juga telah membuat bantahan kepada Pejabat Pendaftar Syarikat mengenai nama baru syarikat defendan pertama yang hampir-hampir serupa dan boleh dikelirukan dengan nama syarikat plaintif. Berikutan dengan bantahan tersebut, Pejabat Pendaftar Syarikat melalui suratnya bertarikh 18 Julai 2000 telah mengarahkan defendan pertama untuk menukar nama syarikatnya kepada nama lain mengikut s. 23(3) Akta Syarikat 1965.

Peguam plaintif menghujahkan antara lain bahawa perbuatan defendan-defendan telah menyukarkan plaintif mendapat projek tersebut kerana tarikh tutup adalah pada 15 November 1999. Oleh kerana perbuatan defendan pertama menukar nama kepada "Green Leaf Group of Companies Sdn. Bhd." dengan kerjasama defendan kedua yang telah menggunakan semua maklumat yang sedia ada dengan plaintif semasa bekerja dengan plaintif dan dengan tiada kebenaran yang sah telah menggunakan maklumat kegunaan plaintif untuk menipu dan memperdayakan plaintif serta pihak Kerajaan Malaysia bagi tujuan mengambil alih tawaran sebut harga projek tersebut dan telahpun memperolehi surat niat berkaitan walaupun nama baru syarikat defendan pertama hanya wujud pada 24 November 1999 laitu sembilan hari selepas tarikh tutup sebut harga untuk projek tersebut. Peguam plaintif pohon satu perintah injunksi seperti yang dipohon dibenarkan untuk mengekalkan *status quo* dan untuk melindungi hak dan kepentingan plaintif sehingga perintah selanjutnya atau sehingga selesai tuntutan plaintif. Untuk menyokong hujah-hujahnya, peguam plaintif merujuk kepada otoriti kes-kes *Khoo Ah Soon v. Ooi Kar Seng (Properties) Sdn. Bhd.* [1995] 3 CLJ 812; *Larut Consolidated Bhd & Anor v. Khoo Ee Bee & Ors* [1997] 5 CLJ 307; dan *Allen & Others v. Jambo Holdings Ltd. And Others* [1980] 2 All ER 502. (Secara amnya otoriti kes-kes di atas tidaklah begitu berkaitan kepada isu-isu yang perlu diputuskan dalam permohonan ini).

Seperti yang telah dinyatakan oleh Raja Azlan Shah H (pada masa itu) di dalam kes: *Vethanayagam v. Karrupiah & Ors* [1968] 1 MLJ 283 "jurisdiction to grant a temporary injunction is always a matter of discretion which is to be exercised in accordance with well-known principles".

Gopal Sri Ram HMR pula, di dalam kes: *Keet Gerald Francis Noel John v. Mohd. Noor bin Abdullah & 2 Ors.* [1995] 1 CLJ 293 pernah menggariskan bahawa:

> The judge must have in the forefront of his mind that the remedy that he is asked to administer is discretionary, intended to produce a just result for the period between the date of the application and the trial proper and intended to maintain *status quo.* It is a judicial discretion capable of correction and appeal.

Di samping itu saya juga ingin memetik keputusan di dalam kes: *Wah Loong (Jelapang) Tin Mines Sdn. Bhd v. Chin Nyen Yiok* [1975] 2 MLJ 109 yang berbunyi: "An injunction remains a discretionary remedy granted at the discretion of the court on the basis of the principles of equity and on a consideration of the facts, and circumtances and legal consideration". Prosedur pertimbangan samada sesuatu injunksi interlokutori patut dibenarkan atau tidak, telahpun diputuskan di dalam kes: *American Cyanamid v. Ethicon Ltd* [1975] AC 396 dan telah diikuti di dalam banyak kes-kes di Malaysia terutamanya kes *Keet Gerald Francis Noel John v. Mohd. Noor bin Abdullah (supra),* dimana Mahkamah Rayuan telah menggariskan proses mempertimbangkan permohonan injunksi interim (interlokutori) adalah seperti berikut:

i) mesti terdapat satu isu serius yang *bona fide* perlu dibicarakan;

ii) menimbangkan di mana letaknya keadilan dalam kes itu – setelah mengambil kira semua hal yang relevan terutamanya imbangan kesenangan;

iii) hendaklah sedar bahawa injunksi adalah satu remedi budibicara di maksudkan untuk memelihara *status quo* sementara menunggu perbicaraan, oleh itu perlu mengambil kira kuasa budibicaranya.

Dalam kes yang dihadapi sekarang ini, walaupun permohonan untuk perintah injunksi dibuat secara *ex parte*, mahkamah telah meminta peguam plaintif untuk membuat hujah sepenuhnya untuk membolehkan mahkamah membuat keputusan samada untuk membenarkan atau tidak perintah injunksi yang dipohon. Dalam lain perkataan, walaupun permohonan dibuat secara *ex parte*, ia tidak bermakna permohonan tersebut terus dibenarkan secara melulu tanpa terlebih dahulu menimbangkan fakta-fakta kes itu berdasarkan peruntukan undang-undang dan prinsip-prinsip yang telah dipakai sebelum ini. Saya percaya, berdasarkan prinsip undang-undang yang dipakai selama ini, mahkamah boleh menggunakan budi bicaranya untuk menolak sesuatu permohonan injunksi interim diperingkat permohonan *ex parte* sekiranya

daripada afidavit-afidavit dan dokumen-dokumen pihak plaintif/pemohon, mahkamah berpuas hati permohonan tersebut tidak dapat memenuhi kehendak-kehendak perundangan yang telah sedia ada.

Di dalam kes ini, saya berpuas hati terdapatnya isu yang serius yang *bona fide* perlu dibicarakan. Dakwaan plaintif bahawa defendan-defendan telah memperdaya dan menipu pihak-pihak yang berkaitan, termasuk plaintif, untuk "merampas" projek berkenaan daripada plaintif adalah merupakan isu serius yang perlu dibicarakan. Isu-isu ini adalah juga merupakan isu-isu utama di dalam writ saman yang difailkan oleh plaintif. Namun demikian ianya bukanlah perkara pemutus untuk terus membenarkan injunksi yang dipohon. Mengikut panduan di dalam kes *Keet Gerald Francis Noel John v. Mohd. Noor bin Abdullah (supra)*, andainya satu isu telah dizahirkan yang memerlukan siasatan lanjut, mahkamah hendaklah seterusnya menimbangkan di mana letaknya keadilan dalam kes itu, setelah mengambil kira semua perkara yang relevan, termasuk realiti kes itu secara praktik – iaitu menimbangkan tentang mudarat yang akan timbul jika permohonan injunksi dibenarkan dengan mudarat yang akan timbul jika permohonan injunksi ditolak. Jika mahkamah berpendapat bahawa plaintif akan menanggung ketidakadilan yang lebih besar jika permohonan injunksinya ditolak, perintah injunksi akan dibenarkan. Sebaliknya jika mahkamah berpendapat bahawa defendan akan menanggung ketidakadilan yang lebih besar jika injunksi dibenarkan, mahkamah akan menolak permohonan tersebut.

Dalam kata lain mahkamah perlu menimbangkan juga imbangan keadilan (balance of justice) atau imbangan kesenangan (balance of convenience), berdasarkan sesuatu kes yang berkaitan. Sesuatu kes mempunyai ciri-ciri keistimewaan tersendiri untuk dipertimbangkan. Demikian mengikut Lord Diplock di dalam kes *American Cynamid (supra)* di mana beliau menyatakan "I would reiterate that, in addition to those to which I have referred, there may be many other special factors to be taken into consideration in the particular circumstances of individual cases".

Di dalam perenggan pertama saman dalam kamarnya, plaintif memohon perintah supaya defendan pertama dihalang daripada memperdayakan bahawa ianya adalah syarikat induk plaintif di dalam permohonan atas projek yang dikenali sebagai "Projek Naik Taraf Jalan Kuala Pilah ke Seremban sepanjang 33km secara bayaran tertunggak, kepada pihak-pihak tertentu di jabatan-jabatan kerajaan khususnya pegawai-pegawai yang berurusan atas projek tersebut di Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan Jabatan Kerja Raya (JKR)". Mengikut afidavit plaintif, surat niat untuk projek tersebut akan dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi pihak Kerajaan Malaysia.

Setelah meneliti dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh plaintif sendiri melalui afidavit-afidavitnya, saya berpendapat dakwaan mengenai "defendan pertama memperdayakan bahawa ianya adalah syarikat induk plaintif" seperti yang ternyata di atas adalah tidak berasas kerana surat daripada Pejabat Timbalan Menteri Kementerian Kerja Raya Malaysia bertarikh 19 Julai 2000 (eks. "MH11") di dalam afidavit tambahan plaintif, jelas menyatakan Kementerian Kerja Raya telah menerima salinan surat bertarikh 5 Oktober 1999 yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri mengenai projek tersebut dan menegaskan bahawa mengenai surat niat yang dikeluarkan oleh pihak JKR bagi projek tersebut ianya tidak dikeluarkan kepada syarikat plaintif. Oleh yang demikian, soal 'memperdaya' dalam kes ini tidak timbul kerana Jabatan Kerajaan berkenaan sedar dan mengetahui bahawa tawaran projek tersebut bukannya diberikan kepada syarikat plaintif. Oleh itu permohonan di perenggan satu saman dalam kamar itu tidak dapat dipenuhi.

Perenggan kedua permohonan plaintif di dalam saman dalam kamarnya memohon perintah menghalang defendan kedua daripada mewakili plaintif mahupun defendan pertama sebagai syarikat induk kepada plaintif di dalam semua urusan atas projek tersebut kepada pihak-pihak tertentu. Permohonan tersebut pada hakikatnya akan menjejaskan kelancaran perlaksanaan projek tersebut oleh pihak Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Kerja Raya. Kerja-kerja awal perlaksanaan projek tersebut akan terbantut. Projek tersebut adalah projek untuk orang ramai. Oleh itu, soal mengenai kepentingan awam (public interest) patut juga dipertimbangkan di dalam permohonan ini. Gopal Sri Ram HMR, di dalam kes *Keet Gerald Francis Noel John v. Mohd. Noor Abdullah (supra)* pernah menyatakan "any question going to the public interest may, and in appropriate cases should be taken into account".

Sehubungan dengan itu, saya juga bersetuju dengan pendapat Mohd. Noor Ahmad H, dalam kes: *Anwar bin Ibrahim v. Abdul Khalid Jafri bin Bakar Shah* [1998] 3 CLJ Supp 177 di mana beliau pernah berkata bahawa "Kepentingan awam adalah relevan untuk pertimbangan imbangan kesesuaian (balance of convenience). Mahkmah tidak boleh mengabaikan alam sekelilingnya andainya keadilan sebenar dan yang bermakna hendak dicapai. Mahkamah mestilah, dalam batasan undang-undang melengkapi dan menambah aspirasi kebangsaan yang terletak di dalam liputan kepentingan awam dan menentang apa sahaja yang menghalangnya".

Di dalam kes yang dihadapi sekarang ini, andainya mahkamah membenarkan permohonan perintah injunksi yang dipohon oleh plaintif, ini bermakna kepentingan orang awam untuk mendapatkan kemudahan jalanraya yang lebih baik melalui projek tersebut akan terjejas. Mahkamah perlu dan patut mengambil kira masalah ini. Adalah bertentangan dengan kepentingan awam kiranya perintah injunksi yang dipohon oleh plaintif dibenarkan oleh mahkamah. Writ saman dan permohonan saman dalam kamar plaintif difailkan ketika langkah-langkah tindakan persediaan untuk melaksanakan projek tersebut sedang rancak diambil oleh pihak kerajaan dengan defendan. Mengikut surat tawaran sebut harga bertarikh 5 Oktober 1999 yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, (eks. "MH7") dalam afidavit sokongan plaintif, tarikh tutup tawaran tersebut ialah pada 15 November 1999 dan mengikut surat dari Pejabat Timbalan Menteri Kementerian Kerja Raya bertarikh 19 Julai 2000 (eks. "MH11") pula, surat niat telahpun dikeluarkan oleh pihak JKR. Oleh itu kesan perintah injunksi jika dibenarkan diperingkat ini sudah tentu akan mengganggu dan mengendalakan perlaksanaan tugas-tugas tersebut. Ini akan mengakibat kerugian yang tidak ternilai bukan sahaja kepada defendan, malahan juga kepada kerajaan dan orang ramai.

Peguam plaintif menghujahkan bahawa permohonan plaintif mendapatkan perintah injunksi ini adalah untuk melindungi hak/kepentingan plaintif di dalam tuntutannya sehingga selesai tuntutan tersebut di mahkamah. Mengikut afidavit sokongan plaintif, perintah yang dipohon diperlukan untuk menjaga hak plaintif yang dituntut seperti di penyataan tuntutan (eks. "MH1") di dalam afidavit sokongan plaintif. Seperti yang telah dinyatakan di atas, tuntutan plaintif adalah berupa gantirugi kewangan iaitu kerugian akibat plaintif tidak dapat menerus dan melaksanakan projek tersebut yang mana sebaliknya dilaksanakan oleh defendan-defendan. Jumlah RM40 juta yang dituntut adalah hasil keuntungan yang sepatutnya di perolehi oleh plaintif sekiranya plaintif berjaya mendapat dan melaksanakan projek tersebut. Saya agak merasa aneh dalam situasi ini kerana sekiranya perintah injunksi yang dipohon oleh plaintif dibenarkan, defendan tidak akan dapat meneruskan perlaksanaan projek tersebut dan ini akan membantutkan sama sekali tuntutan ganti rugi yang difailkan oleh plaintif terhadap defendan. Jikapun perintah injunksi tersebut dibenarkan, ini tidak bermakna plaintif boleh mendapatkan projek tersebut memandangkan mengikut surat Pejabat Timbalan Menteri Kementerian Kerja Raya bertarikh 19 Julai 2000 (yang dikemukakan oleh plaintif) jelas difahamkan surat niat mengenai projek tersebut telahpun diberikan kepada pihak lain, dan bukan kepada syarikat plaintif. Di penghujung jalan, plaintif tidak akan mendapat apa-apa faedah langsung. Perintah injunksi tersebut tidak akan dapat melindungi hak/kepentingan plaintif seperti yang dituntut di dalam penyataan tuntutan.

Sebaliknya, kekuatan dan asas tuntutan plaintif terhadap defendan di dalam writ samannya ialah jika defendan terus melaksanakan projek tersebut hingga selesai dan memperolehi bayarannya dari pihak kerajaan.

Salah satu faktor imbangan kesenangan yang perlu dipertimbangkan sama di dalam kes ini ialah samada plaintif mempunyai gantirugi alternatif yang mencukupi sekiranya perintah injunksi yang dipohonnya tidak diluluskan oleh mahkamah. Di dalam kes *Keet Gerald Francis Noel John v. Mohd. Noor Abdullah & Ors. (supra)*, Mahkamah Rayuan juga telah menyatakan: "Accordingly, the judge would be entitled to take into account all discretionary considerations, such as delay in making the application or any adequate alternative remedy that would satisfy the plaintiff's equity, such as an award of monetary compensation in the event that he succeeds in establishing his claim at the trial".

Di dalam kes *MBf Holdings Bhd v. East Asiatic Co. (Malaysia) Bhd* [1995] 4 CLJ 73, KC Vohrah H, pernah memutuskan, antara lain bahawa untuk memperolehi perintah injunksi yang dipohon, salah satu syarat yang perlu dipenuhi oleh plaintif ialah membuktikan bahawa gantirugi tidak akan merupakan pampasan yang mencukupi jika ia berjaya di dalam perbicaraan tuntutannya kelak. Prinsip mengenai perkara ini telahpun diputuskan di dalam kes *American Cyanamid (supra)* di mana ianya telah diikuti dan dijadikan panduan di dalam kes-kes serupa di Malaysia. Prinsip yang dimaksudkan ialah:

> ... the governing principle is that the court should first consider whether if the Plaintiff were to succeed at the trial in establishing his right to a permanent injunction he would be adequately compensated by an award of damages for the loss he would have sustained as a result of the Defendant's continuing to do what he sought to be enjoined between the time of the application and the time of the trial. If damages in the measure recoverable at common law would be adequate remedy and the Defendant would be in a financial position to pay them, no interlocutory injunction should normally be granted, however strong the Plaintiff's claim appeared to be at that stage.

Di dalam kes yang dihadapi, saya telah menyatakan bahawa gantirugi yang dituntut di dalam writ samannya lebih merupakan tuntutan gantirugi kewangan. Jumlah gantirugi yang dipohon ialah RM40 juta sedangkan jumlah nilai projek berkenaan ialah RM172.8 juta. Plaintif tidak menyatakan langsung yang defendan tidak akan berupaya dari segi kewangan untuk membayar gantirugi yang dituntut seandainya plaintif berjaya di dalam tuntutannya kelak. Tidak ada apa-apa indikasi yang ditimbulkan oleh plaintif ke arah itu. Sebaliknya jika defendan berjaya di dalam tuntutan writ saman yang difailkan oleh plaintif dan perintah injunksi telahpun dibenarkan seperti yang dipohon oleh plaintif, kerugian akan

dialami oleh defendan adalah lebih besar, bukan sahaja berdasarkan nilai projek tersebut malahan merangkumi juga nilai perbelanjaan yang telahpun dibelanjakan (seperti yang lazimnya berlaku) untuk pensediaan awal bagi projek itu. Walaupun di dalam saman dalam kamarnya, plaintif ada membuat akujanji akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas segala gantirugi yang mungkin dialami akibat daripada tindakan injunksi yang dipohon, malangnya plaintif tidak menunjukkan sebarang bukti tentang kedudukan kewangannya untuk memenuhi akujanji tersebut jika keadaan yang memerlukannya timbul.

Peguam plaintif di dalam hujahnya juga memohon supaya *status quo* dikekalkan dalam kes ini untuk melindungi hak dan kepentingan plaintif seperti yang dituntut di dalam writ samannya. Saya telah menyatakan di atas, bahawa injunksi yang dipohon, jika dibenarkan tidak akan selaras dengan tujuan untuk melindungi hak/kepentingan plaintif seperti yang dituntut di dalam penyataan tuntutannya. Di dalam kes *Elwes v. Rayne* [1879] 12 Ch. D 468 (seperti yang dirujuk di dalam kes *American Cyanamid (supra)*), telah diputuskan:

> It should not be the policy of the court to preserve the *status quo* in all cases but only to prevent irreparable damage to the Plaintiff.

Plaintif juga menimbulkan isu mengenai nama syarikat defendan pertama yang hampir serupa dan boleh dikelirukan dengan nama syarikat plaintif. Saya fikir isu ini tidak begitu relevan kepada pertimbangan di dalam permohonan ini. Saya percaya setakat yang melibatkan Jabatan Kerja Raya (iaitu jabatan yang mengeluarkan surat niat dan yang akan melaksanakan projek tersebut) soal 'kekeliruan' ini tidak timbul. Melalui surat Pejabat Timbalan Menteri Kementerian Kerja Raya bertarikh 19 Julai 2000 (eks. "MH11") jelas difahamkan bahawa JKR sedar dan tahu bahawa ia tidak berurusan dengan syarikat plaintif berkaitan perlaksanaan projek berkenaan. Di samping itu, isu persamaan nama syarikat berkenaan telahpun ditangani mengikut undang-undang bila (diatas permohonan plaintif) Pejabat Pendaftar Syarikat melalui suratnya bertarikh 18 Julai 2000 yang ditujukan kepada defendan pertama, telah mengarahkan defendan pertama untuk menukar namanya kepada nama yang lain dalam tempoh enam minggu, mengikut s. 23(3) Akta Syarikat 1965.

Berdasarkan kedudukan dan pertimbangan di atas saya berpendapat, di atas imbangan kesenangan atau imbangan keadilan, perintah injunksi seperti yang dipohon bukanlah merupakan satu remedi yang sesuai dalam kes ini. Oleh itu permohonan plaintif di dalam saman dalam kamar (kandungan 2) adalah ditolak. Tiada perintah mengenai kos kerana permohonan ini dibuat secara *ex parte*.